

# Bajet berhemah dan seimbang — Dr. Awang Adek

UM 14 SEP 2003  
KOTA BHARU 13 Sept. —  
Pengerusi Tenaga Nasional  
Berhad (TNB), Datuk Dr.  
Awang Adek Hussin menyifatkan  
Bajet 2004 sebagai bajet  
berhemah dan seimbang.

Beliau berkata, Bajet 2004  
juga mampu memastikan ke-  
stabilan mikro yang berterusan  
pada masa hadapan apabila  
kerajaan turut mengambil  
langkah-langkah disiplin ke-  
wangan yang cukup baik un-  
tuk mengurangkan defisit per-  
belanjaan kerajaan.

Katanya, langkah itu cukup  
penting kerana defisit yang  
berterusan akan hanya mewu-  
judkan rasa tidak senang di  
kalangan pelabur-pelabur.

“Oleh kerana kerajaan me-  
ngurangkan perbelanjaan da-  
ripada RM114 bilion kepada  
RM112 bilion dalam 2004, se-  
kali gus mengurangkan defisit  
kira-kira tiga peratus daripa-  
da lima peratus sebelumnya,”  
katanya kepada pemberita di  
sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ke-  
tika diminta mengulas pem-  
bentangan Bajet 2004 oleh  
Perdana Menteri, Datuk Seri  
Dr. Mahathir Mohamad yang

juga Menteri Kewangan di  
Dewan Rakyat, semalam.

Awang Adek berkata, Bajet  
2004 dikatakan bajet seim-  
bang kerana ia memberi pene-  
katan kepada pelbagai golong-  
an masyarakat.

Ini termasuk menjaga golo-  
ngan yang kurang bernasib  
baik dalam bidang ekonomi,  
selain memberi tumpuan ke-  
pada peniaga kecil serta pemi-  
likan rumah bagi mereka ber-  
pendapatan rendah melalui  
program perumahan kos ren-  
dah dan sederhana.

“Saya rasa ini semua me-  
nunjukkan kesungguhan ke-  
rajaan untuk memastikan rak-  
yat yang tidak berkemampuan  
akan terbela dan akan  
memperoleh peluang untuk  
mendapat rumah di samping  
peluang-peluang perniagaan  
secara kecil-kecilan yang lebih  
tersusun dan terancang,” je-  
lasnya.